



# KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN PAMPASAN DAN FAEDAH**  
**KOD KURSUS : DSM3143**  
**PEPERIKSAAN : APRIL 2018**  
**MASA : 3 JAM**

## ABAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (40 Markah)  
BAHAGIAN C (40 Markah)
  2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
  3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
    - i. Kertas Soalan
    - ii. Kertas Jawapan Objektif
    - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut merupakan definisi pampasan dari pandangan masyarakat?
  - A Pampasan melibatkan kos dan perlakuan.
  - B Individu melihat pampasan sebagai nilai keadilan.
  - C Semua bentuk pulangan kewangan dan faedah yang diterima oleh pekerja.
  - D Bayaran yang diterima oleh individu adalah sebagai pulangan untuk kerja yang mereka lakukan.
  
2. Apakah teknik yang digunakan dalam pentadbiran pampasan bagi pekerjaan yang mempunyai gred atau kelas?
  - A Sistem mata.
  - B Kedudukan kerja.
  - C Sistem klasifikasi kerja.
  - D Sistem bayaran berdasarkan prestasi.
  
3. Pilih yang manakah antara berikut merupakan sistem mata bagi ekuiti dalaman.
  - i. Sukar direkabentuk.
  - ii. Mudah difahami dan digunakan.
  - iii. Digunakan di dalam organisasi bersaiz kecil.
  - iv. Lebih saintifik berbanding kedudukan kerja dan klasifikasi kerja.  
  - A i dan ii sahaja.
  - B ii dan iii sahaja.
  - C i, ii dan iii sahaja.
  - D i, ii dan iv sahaja.

4. Kenyataan manakah **benar** mengenai insentif?

- A Insentif tiada hubung kait dengan prestasi.
- B Insentif diberikan sebagai kenaikan gaji asas.
- C Insentif dibayar sekali sahaja dan bukan kos tetap.
- D Semua pekerja mendapat kadar insentif yang sama.

5.

- Pastikan usaha dan ganjaran adalah saling berkaitan.
- Rancangan insentif perlulah mudah difahami dan diukur.
- Dapat sokongan dalam perlaksaan rancangan insentif.

#### Pernyataan 1

Apakah yang dimaksudkan dalam Pernyataan 1?

- A Ciri-ciri rancangan insentif.
- B Insentif jangka masa pendek.
- C Insentif jangka masa panjang.
- D Kepentingan rancangan insentif.

6. Pekerja akan menerima insentif bergantung kepada

- A jualan.
- B produktiviti.
- C keuntungan.
- D semua di atas.

7. Manakah antara berikut merupakan cuti umum yang diwartakan dalam akta?

- A Thaipusam.
- B Tahun Baru.
- C Hari Malaysia.
- D Hari Raya Aidilfitri.

8. Razif terlibat dengan kemalangan serius ketika bekerja. Berapakah jumlah maksima cuti hospitalisasi yang beliau terima?
- A 30 hari.  
B 60 hari.  
C 90 hari.  
D 120 hari.
9. Berapakah nilai minima untuk mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja yang bekerja sendiri?
- A RM5 sebulan.  
B RM10 sebulan.  
C RM50 sebulan.  
D RM100 sebulan.
10. Manakah antara berikut merupakan jenis pekerjaan yang perlu mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpan Pekerja?
- A Pekerja asing.  
B Pekerja swasta.  
C Pembantu rumah.  
D Kakitangan awam yang menggunakan skim pencen.
11. Apakah medium yang sangat efektif dalam membuat pembayaran gaji pekerja?
- A Cek.  
B Tunai.  
C Baucar.  
D Akaun bank.

12. Antara berikut yang manakah merupakan potongan gaji yang memerlukan permintaan bertulis daripada pekerja?

- i. Bayaran yuran bulanan kesatuan sekerja.
- ii. Bayaran kepada pertubuhan koperasi berdaftar.
- iii. Bayaran balik sebarang pendahuluan ke atas gaji kepada pekerja.
- iv. Bayaran sebarang saham dalam perniagaan majikan yang dijual kepada pekerja.

A i dan ii sahaja.

B ii dan iii sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D i, ii dan iv sahaja.

13. Antara berikut yang manakah merupakan potongan gaji yang memerlukan persetujuan bertulis pekerja dan kelulusan daripada Ketua Pengarah Tenaga Kerja?

- i. Potongan untuk bayaran ke dalam skim insurans.
- ii. Potongan untuk bayaran balik kerana pendahuluan ke atas gaji yang dikenakan faedah.
- iii. Sebarang perintah mahkamah yang mengarahkan gaji pekerja dipotong kerana tujuan tertentu.
- iv. Caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial.

A i dan ii sahaja.

B ii dan iii sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D i, iii dan iv sahaja.

14. Apakah sebab yang membolehkan pekerja boleh memohon pendahuluan ke atas gaji melebihi satu bulan gaji?

- A Membayar kos sewa rumah.
- B Membayar pinjaman PTPTN.
- C Membayar kos ubahsuai kereta.
- D Membayar yuran pendidikan untuk pekerja.

15. Sabrina mempunyai kepuasan bekerja pada tahap rendah. Apakah contoh motivasi bagi kepuasan tahap rendah beliau?

- A Pengiktirafan.
- B Cabaran kerja.
- C Gaji dan insentif.
- D Kandungan kerja.

16.

Insentif kewangan → Meningkatkan prestasi pekerja → Keuntungan produktiviti

Pernyataan 2

Pernyataan 2 menunjukkan rumus bagi teori bayaran dan motivasi. Siapakah yang mempopularkan rumus tersebut?

- A Max Weber.
- B Frederick Taylor.
- C Abraham Maslow.
- D Frederick Herzberg.

17. Mengapakah faedah fleksi diperkenalkan?

- i. Masalah ekonomi syarikat.
- ii. Untuk menarik minat bakal pekerja.
- iii. Untuk menarik minat pekerja berpotensi.
- iv. Membolehkan pekerja memilih faedah yang mereka perlukan.

A i dan ii sahaja.

B iii dan iv sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D Semua di atas.

18. Apakah faktor yang **tidak** diperlukan dalam merekabentuk faedah fleksi?

- A Komunikasi.
- B Pentadbiran.
- C Penilaian prestasi.
- D Tempoh perlaksanaan.

19. Apakah punca faedah fleksi tidak berjaya di dalam sesebuah syarikat?

- i. Terlalu banyak pilihan faedah.
- ii. Faedah fleksi yang ketinggalan.
- iii. Saluran komunikasi yang lemah.
- iv. Rekabentuk berdasarkan data penanda aras pasaran sahaja.

A i dan ii sahaja.

B iii dan iv sahaja.

C i, ii dan iii sahaja.

D Semua di atas.

20. Pilih kenyataan yang **benar** mengenai faedah fleksi?

- A Pekerja tidak boleh membuat penukaran jenis faedah.
- B Faedah yang diterima oleh semua pekerja adalah sama.
- C Majikan menetapkan jenis-jenis faedah yang diterima oleh pekerja.
- D Majikan memberi jumlah peruntukan faedah dan pekerja memilih faedah yang mereka ingini.

[20 MARKAH]

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Senaraikan **lima (5)** kepentingan pengurusan pampasan dan faedah.

(5 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** faktor pekerja yang mempengaruhi pengurusan pampasan dan faedah.

(6 markah)

**SOALAN 2**

a. Berikan definisi berikut:

- i. ekuiti dalaman (2 markah)
- ii. ekuiti luaran (2 markah)
- iii. ekuiti individu (2 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** polisi ekuiti luaran.

(6 markah)

**SOALAN 3**

a. Senaraikan **lima (5)** objektif pengurusan gaji.

(5 markah)

**SOALAN 4**

a. Huraikan **dua (2)** faktor di dalam teori Frederick Herzberg.

(6 markah)

b. Huraikan **tiga (3)** faedah *Productivity-Linked Wage System (PLWS)*.

(6 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan, jawab **DUA(2)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. Insentif sangat berkait rapat dengan prestasi dan motivasi pekerja. Berikan definisi insentif dan **dua (2)** program insentif individu.

(10 markah)

- b. Program insentif memberi pertambahan perbelanjaan sesebuah organisasi. Bincangkan secara terperinci **tiga (3)** kepentingan rancangan insentif.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Faedah berkanun bertujuan untuk memastikan kewujudan tenaga kerja yang sihat dan produktif. Bincangkan faedah berikut:

i. perlindungan bersalin. (5 markah)

ii. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO). (5 markah)

- b. Faedah tidak berkanun sangat dituntut dalam menjamin keseimbangan hidup dan kerja. Bincangkan **dua (2)** faedah tidak berkanun.

(10 markah)

**SOALAN 3**

- a. Setiap individu bekerja untuk mendapatkan gaji sebagai pendapatan utama. Bezakan antara *time-related system* dan *piece-rated system* dalam pengurusan gaji.
- (10 markah)
- b. Program keseimbangan hidup dan kerja adalah aspirasi dalam agenda Transformasi Nasional 2050. Bincangkan program inisiatif berikut:
- kerja dari rumah. (5 markah)
  - waktu kerja anjal. (5 markah)

**[40 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

